

CNS1196

R GB 11-11 00186 BH1 86

Rah

AKHBAR TNDONESTA PUJI KEBERANIAN MALAYSIA KRITIK AS

Akhbar

JAKARTA, 11 Nov (Bernama) -- Dua akhbar harian kebangsaan Indonesia hari ini melahirkan kekaguman di atas keberanian Malaysia mengkritik Amsri ka Syarikat yang memint a Jepun supaya tidak msnyokong Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang sedang di rumuskan oleh Assan.

Harian Merdeka, akhbar tertua di Indonesia, dan Berita Buana menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berani untuk menyanggah kebijaksanaan Amerika yang dianggap tidak bersesuaian.

+Malaysia memang tidak mewarisi budaya Jawa yang enggan bersuara lantang. Maka jangan hairan jika mereka berani mengecam Amsri ka Syarikat, salah sebuah negara yang konon sahabat dekat sebahagian besar anggota Asean, + kata Berita Buana dalam rencana pengarangnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mengecam sikap Amerika itu minggu lepas ekoran laporan bahawa Setiausaha Negara, James Raker telah meminta Jepun tidak mendukung EAEC yang dipelopori oleh Asean sebagai forum perundingan untuk msingkatkan perdagangan bebas di kalangan negara rantau di sini.

Perdana Menteri menyifatkan masa hadapan negara-negara kecil kini nampak suram jika Amerika masih sahaja menunjukkan +kekuatan ototnya+ sebagai satu-satunya negara besar yang mest i dipatuhi. -- Lagi

♥11/11/12-49MST

4

CNS1197

R GB 11-11 00124 BH1 87

Rah mex

Akhbar 2 Jakarta

Harian Berita Buana sependapat dengan Datuk Seri Dr Mahathir bahawa Amerika mahu menang sahaja dalam dunia perdagangan antarabangsa dengan mengikut i kehendaknya.

+Sayangnya, idea semacam EAEC yang seharusnya boleh mengatasi kecenderungan negara-negara maju seperti Amerika (yang berbuat sesuka hati men j aga kepentingannya) baru diperjuangkan sendirian oleh Malaysia.

+Kita.....?," tanya hari an i tu menyindir pendirian negara-negara Assan lain, termasuk Indonesia.

Har j an Merdeka pula men j angka Amerika dan Jepun mungkin melakukan tindakan politik di rantau Asia melalui dasar luar negeri mereka Yang agresif.

Ita berpendapat bahawa hasrat Malaysia mewujudkan EAEC akan menjadi kenyataan jika negara jiran ini sudah men j angka segala halangan dan rintangan yang bakal dihadapi serta menyiapkan diri mencari jalan keluar. -- Lagi

♥11/11/12-50MST

CNS1200

R GB 11-11 00075 BH188

Rah mex

Akhbar 3 (Akhir) Jakarta

Tni termasuk men jalinkan kerjasama dengan negara-negara Eropah Barat , kawasan Indo-China dan China serta di kalangan Asean sendiri.

Menurut Merdeka, Amerika sepatutnya akur bahawa semangat serantau yang sedang berkembang termasuk di benua Amerika sendiri merupakan 'proses biasa dalam tuntutan zaman.

+Amerika j angan terus bermimpi akan t et-us mengembangkan satu model pembangunan negsrinya sebagai model satu-satunya di seluruh dunia, + kata harian i tu. -- Bernama